



KENYATAAN MEDIA
27 NOVEMBER 2024

ST Lupuskan 4,386 Barangan Rampasan Bernilai Lebih RM250 Ribu di Klang

Putrajaya, 27 November 2024 – Suruhanjaya Tenaga (ST) berjaya melupuskan sejumlah 4,386 barangan rampasan bernilai lebih RM250,000 bagi kes-kes di Semenanjung Malaysia. Proses pelupusan ini melibatkan beberapa kes termasuk kes-kes di bawah:

- i. **Ops Curi Elektrik** yang melibatkan 30 kertas siasatan,
- ii. **Ops Kelengkapan Elektrik** yang melibatkan 10 kertas siasatan,
- iii. **Ops Gas** yang melibatkan 1 kertas siasatan,
- iv. **Kes Kemalangan Elektrik** yang melibatkan 27 kertas siasatan, dan
- v. **Aduan** yang melibatkan 1 kertas siasatan.

Timbalan Pengarah Unit Penyiasatan ST, Ir. Nik Mohd Bakhry Abu Bakar telah hadir bagi menyaksikan proses pelupusan barangan rampasan tersebut di sebuah pusat pembuangan dan pelupusan logam di Klang Central Industrial Park, Klang, Selangor pada hari ini.

Pelupusan barang rampasan ini dilakukan berdasarkan arahan Timbalan Pendakwa Raya di bawah Seksyen 406A Kanun Prosedur Jenayah (Akta 593) yang melibatkan 69 kertas siasatan yang telah selesai melalui proses mahkamah dan kompaun.

MENGENAI SURUHANJAYA TENAGA

Suruhanjaya Tenaga (ST) merupakan badan kawal selia yang bertanggungjawab untuk mengawal selia sektor tenaga, khususnya industri pembekalan tenaga elektrik dan gas berpaip di Semenanjung Malaysia dan Wilayah Persekutuan Labuan. Suruhanjaya Tenaga memastikan bahawa pembekalan elektrik dan gas berpaip kepada pengguna adalah terjamin, berdaya harap, selamat dan pada harga yang berpatutan.

ST telah melantik sebuah syarikat yang berlesen dengan Jabatan Alam Sekitar bagi memastikan pelaksanaan sistem pengurusan e-waste ini dilaksanakan secara lestari bagi mematuhi keperluan di bawah Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974 dan Peraturan Kualiti Alam Sekeliling (Buangan Terjadual) 2005. Pengurusan barangan rampasan ini melibatkan proses pengasingan (*segregation*) kepada beberapa kategori iaitu sisa terjadual (*schedule waste*), sisa yang boleh dikitar semula (*recyclable waste*) dan sampah (*rubbish*). Menurut pihak syarikat, barangan rampasan ini akan dihantar kepada pembeli serta ke fasiliti pemprosesan lengkap (*full recovery facilities*) berdasarkan pengasingan yang dilaksanakan.

Untuk maklumat lanjut berkenaan perkara ini, sila layari laman sesawang ST di www.st.gov.my atau hubungi kami di talian 03-8870 8500.

*****TAMAT*****

Untuk keterangan lanjut, sila hubungi:

Veliana Ruslan/Hazwani Ghazali/Harith Safruddin

Unit Promosi dan Hubungan Luar

Tel: 03-8870 8753/019-2131978 (Veliana) / 011-28866271 (Hazwani) / 018-3822545 (Harith)

Emel: veliana@st.gov.my / noorhazwani@st.gov.my / harith@st.gov.my

MENGENAI SURUHANJAYA TENAGA

Suruhanjaya Tenaga (ST) merupakan badan kawal selia yang bertanggungjawab untuk mengawal selia sektor tenaga, khususnya industri pembekalan tenaga elektrik dan gas berpaip di Semenanjung Malaysia dan Wilayah Persekutuan Labuan. Suruhanjaya Tenaga memastikan bahawa pembekalan elektrik dan gas berpaip kepada pengguna adalah terjamin, berdaya harap, selamat dan pada harga yang berpatutan.